

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Kakitangan kerajaan menjadi mangsa sindiket penipuan: Parum
Date : 14 October 2023
Section : Tempatan
Page : 8



Kakitangan kerajaan menjadi mangsa sindiket penipuan: Parum

LIMBANG: Seorang kakitangan kerajaan berputih mata apabila rugi RM918.19 apabila menjadi mangsa sindiket penipuan menyamar sebagai syarikat perkhidmatan kurier dalam kejadian berlaku di sini Rabu lalu.

Dalam kejadian itu, mangsa yang berusia 30-an menerima satu e-mel memaklumkan ada bungkusan tidak dapat dihantar kepada mangsa kerana alamat tidak lengkap.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, mangsa juga diminta mengemas kini butiran diperlukan dalam pautan disertakan dalam e-mel tersebut.

“Mangsa kemudiannya tanpa ragu-ragu mendedahkan semua maklumat diperlukan serta maklumat



PARUM

akaun bank bagi membayar caj penghantaran semula bungkusan kepada sindiket terbabit kerana dipercayai e-mel itu adalah daripada syarikat perkhidmatan kurier sah.

“Sebaik maklumat didedahkan, mangsa mendapati berlaku transaksi pengeluaran sejumlah RM918.19 dalam akaun bank miliknya sebelum membuat satu laporan polis,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau menasihati orang ramai agar tidak menekan pautan (link) diterima daripada nombor atau e-mel tidak dikenali selain memastikan alamat laman web perbankan adalah betul.

Bagi mendapatkan nasihat atau menyalurkan maklumat kes-kes jenayah komersil di daerah Limbang boleh menghubungi talian 085-211466 sambungan 252 atau berhubung dengan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersil IPD Limbang Inspektor Johari Mudin di talian 019-8280895.